

Oleh AMREE AHMAD


AWAL tahun ini, negara digemparkan dengan idea unik Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang mahu melaksanakan 'perintah berkurung' terhadap remaja-remaja di bawah 18 tahun daripada berkeliaran di negeri itu selepas pukul 10.00 malam. Namun, cadangan lucu beliau itu mendapat bantahan keras pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) utama di negara ini.

Tidak ketinggalan mengkritik ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman. Dalam reaksi balasnya pada 13 Januari, beliau menyifatkan peraturan itu melanggar Konvensyen Hak Kanak-kanak yang diwujudkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1989 sempena ulang tahun ke-30 Deklarasi Hak Kanak-kanak Sedunia.

Dr. Siti Zaharah yang bimbang dengan langkah pelik kerajaan negeri tersebut menyifatkan arahan ala tentera itu semacam tamparan kepada semua ibu bapa di Perlis yang dianggap sebagai gagal dalam menunaikan tanggungjawab mendidik anak mereka. "Ia sekali gus bertentangan pula dengan konvensyen berkenaan yang ditandatangani kerajaan Malaysia pada 1995 lalu," katanya.

Sehingga kini cadangan larangan keluar malam (memetik kata-kata Shahidan sendiri sebagai membetulkan istilah perintah berkurung sebelum itu) masih belum dikuatkuasakan lagi. Setidak-tidaknya, golongan remaja negeri itu boleh menarik nafas lega. Ironinya, Perlis bukanlah negeri yang mencatatkan kes juvana tertinggi di Malaysia sehingga memerlukan peraturan seperti itu dilaksanakan ke atas remaja-remaja di Perlis.

Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Perak merekodkan angka paling tinggi bagi kes juvana iaitu kira-kira 529 orang sepanjang 2001. Ini mengatasi Selangor yang dua tahun bertu-



Peningkatan bilangan remaja yang dibicarakan di Mahkamah Juvana menggambarkan kemerosotan masyarakat.

Fokus: Jenayah Juvana Di Malaysia


MANGSA KRISIS PERHUBUNGAN

Peningkatan kes juvana khususnya yang melibatkan kaum Melayu sejak akhir-akhir ini amat membimbangkan pelbagai pihak berkaitan. Mengapakah ini boleh berlaku?

rut-turut sebelum itu mencatatkan rekod tertinggi dengan 962 dan 878 orang masing-masing pada 1999 dan 2000. Perlis pula masih kekal pada kadar kedua terendah selepas Labuan.

Terdapat 3,479 kes juvana dicatatkan di Malaysia dalam tahun 2001 dan angka itu menurun berbanding 5,284 kes pada tahun sebelumnya. Tahun 1998 merekodkan jumlah tertinggi iaitu 6,338 kes, naik

Pengaruh negatif rakan sebaya selain kurangnya didikan agama oleh ibu bapa turut menyumbang kepada keruntuhan ahklak remaja di Malaysia.



Kes Juvana Mengikut Pecahan Kaum Dan Tahun

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain	Jumlah
1996	2,564	723	419	505	4,211
1997	2,825	679	593	493	4,590
1998	3,836	1,072	814	616	6,338
1999	3,792	837	654	417	5,700
2000	3,442	867	613	360	5,284
2001	2,288	546	383	262	3,479

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2002)

Kes Juvana Mengikut Negeri Dan Tahun

Negeri	1999	2000	2001
Johor	538	585	180
Kedah	515	315	358
Kelantan	345	307	222
K. Lumpur	276	296	252
Labuan	9	9	16
Melaka	122	82	88
N. Sembilan	391	479	319
Pahang	299	266	132
Perak	675	563	529
Perlis	72	40	49
P. Pinang	452	512	328
Sabah	175	130	121
Sarawak	583	430	261
Selangor	962	878	441
Terengganu	286	372	183
Jumlah	5,700	5,284	3,479

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2002)

Kes Juvana Melibatkan Golongan Perempuan

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain	Jumlah
1997	565	258	30	79	1,066
1998	340	392	24	72	630
1999	386	194	13	98	708
2000	406	211	46	69	710
2001	255	113	20	65	453

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2002)



Kerajaan tidak mampu mengawal akhlak remaja yang rosak melainkan mereka mendapat sokongan keluarga.

1,748 kes daripada tahun 1997 sebelum jatuh 638 kes pada tahun 1999. Remaja kaum Melayu seperti biasa terus menguasai jumlah paling besar pesalah kes juvana saban tahun.

"Walaupun angka bagi 2002 masih dalam peringkat semakan, secara amnya kadar kes juvana di Malaysia agak membimbangkan meskipun ia belum mencapai tahap serius," kata penyelidik juvana di JKM, Umi Kalthum A. Karim kepada MASSA. Menurut beliau, kenakalan melampau di kalangan murid sekolah khususnya peringkat menengah juga kian menonjol berbanding dahulu.

Berdasarkan Laporan Disiplin Pelajar Sekolah Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada 1991, Umi Kalthum berkata, kira-kira 27.3 peratus daripada 6,860 sekolah rendah yang dikaji mempunyai masalah disiplin. Manakala 58.7 peratus daripada 1,360 sekolah menengah seluruh negara dikesan mengalami fenomena seru-

pa terutamanya kesalahan ponteng.


"Kajian terbaru Jawatankuasa Tangani Budaya Negatif Pelajar oleh kementerian itu yang mula bermesyuarat 28 Ogos lalu dijangka siap dalam tempoh sebulan. JKM menjangkakan hasil penemuan tidak akan banyak berbeza dengan kajian lebih sedekad lepas. Bahkan, dalam masa 30 tahun, rekod JKM menunjukkan semacam ada perkembangan menaik dalam pola kenakalan," katanya.

Umi Kalthum mendedahkan, berlaku peningkatan ketara iaitu daripada 1,922 kes dalam tahun 1962 kepada 3,965 kes tiga dekad kemudian. Dalam tempoh itu, kesalahan bersabit harta benda mencatatkan kenaikan tertinggi iaitu 205.4 peratus diikuti kes melibatkan manusia seperti bergaduh (166.9 peratus) sementara jenayah seksual pula cuma menokok 142.9 peratus.

"Bilangan juvana yang perlukan jagaan atau perlindungan institusi turut bertambah 100 peratus. Manakala remaja bermasalah yang gagal dikawal oleh ibu bapa atau penjaga naik 340 peratus. Lebih mengejutkan, 65.7 peratus remaja lari dari rumah atau hilang adalah perempuan dengan 76.3 peratus yang terjebak dalam maksiat membabitkan gadis berusia 18 tahun ke bawah," jelas Umi Kalthum.

Lebih menarik, ujar beliau, faktor kemiskinan yang sering dikaitkan sebagai penyumbang kenakalan remaja sehingga melakukan jenayah juvana bukanlah

Keseronokan dengan gaya hidup bebas tanpa disedari banyak mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam kancah jenayah berat.
- Gambar hiasan



seperti apa yang digambarkan. Kajian JKM mendapati kira-kira 51.9 peratus pesalah daripada golongan itu melibatkan kanak-kanak di bawah usia 15 tahun dengan 49.9 peratus masih lagi bersekolah.

"Jangan terkejut, 65.8 peratus remaja kes juvana mempunyai ibu bapa daripada keluarga stabil. Malahan, 40.5 peratus pesalah juvana berasal daripada keluarga berpendapatan antara RM1,000 dan RM2,000. Kajian ini sebetulnya difokuskan kepada remaja bermasalah di Petaling Jaya tetapi senarionya mungkin tidak berbeza dengan bandar-bandar besar lain," kata Umi Kalthum.

Analisis kajian oleh JKM menyimpulkan bahawa masalah juvana sebenarnya timbul akibat suasana rumah tangga atau situasi keluarga yang gagal berfungsi sebagai institusi yang berkesan. Ini seterusnya mempengaruhi pula tahap hubungan kasih sayang, kemesraan dan nilai keprihatinan keluarga terhadap tanggungjawab memenuhi keperluan asas anak-anak mereka.

"Dalam erti kata lain, anak-anak tersebut jelas tidak mendapat kepuasan yang wajar mereka nikmati daripada ibu bapa. Walhal, secara psikologi, kanak-kanak dapat merasakan kemesraan bimbingan ibu bapa yang sangat bermakna bagi pertumbuhan minda dan pembesaran jasmani mereka. Akhirnya jiwa liar mereka boleh menjadi seperti pemberontak," ujar Umi Kalthum.

Sebaliknya tambah beliau, pengaruh kekeluargaan menjadi unsur utama bagi menjana proses yang membolehkan seseorang remaja mampu membuat pilihan antara baik dan buruk. Ibu bapa prihatin, kata Umi Kalthum, dapat menjadi model yang membentuk golongan remaja itu supaya bertindak secara lebih positif mengikut lunas agama, sosial dan budaya masyarakat.

"Kajian JKM selari dengan banyak analisis secara saintifik oleh banyak pakar psikologi di seluruh dunia. Masalah disiplin remaja Malaysia kini sebenarnya mempunyai kaitan erat dengan krisis perhubungan dalam keluarga. Masalah kenakalan remaja boleh meningkat kepada suatu keadaan yang boleh menghakis potensi individu dan nilai moral masyarakat keseluruhannya," kata beliau.

Kecuali remaja terbabit menjadi mangsa mereka yang tidak bertanggungjawab, permasalahan juvana hari ini tidak mustahil boleh melahirkan ciri-ciri keruntuhan akhlak. Gejala peningkatan kes juvana itu perlu ditangani segera sebelum ia menular sebagai penyakit yang boleh menggugat keharmonian hidup masyarakat dan kestabilan negara kita pada masa depan. □